

# USIM Street Dakwah bantu Rohingnya

**P**ENDEKATAN kreatif melalui dakwah jalanan diperkenalkan Pusat Kebudayaan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), USIM Street Dakwah yang sebelum ini telah mengembara ke Pasar Seni dan Dataran Merdeka, Kuala Lumpur serta Alor Setar, Kedah. Dalam misi menyampaikan dakwah, mereka telah memilih pusat membeli-belah Alamanda Putrajaya sebagai lokasi baharu.

Apa yang menarik hasil kutipan program kali ini akan disalurkan ke tabung bantuan pelarian Rohingya.

Persembahan USIM Buskers yang memabitkan gabungan ahli Kelab Urus Setia Kesenian Pelajar USIM daripada beberapa fakulti yang aktif dalam aktiviti seni budaya menampilkan persembahan band akustik, ensemble perkusi, bertaranum, tarian tradisi dan Cak Lempong.

Kumpulan ini juga memilih konsep busking kerana pendekatan seperti ini lebih santai, berkesan dan mudah mendekati masyarakat. Pengarah Pusat Kebudayaan USIM, Ismail Ahmed berkata, usaha yang dilakukan oleh USIM Buskers ini sangat terpuji, bukan sahaja dari aspek moral dan perasaan empati mereka

kepada masyarakat, malah ia turut memberi perspektif bahawa pelajar USIM sentiasa ingin ke hadapan dalam isu-isu kemanusiaan.

"Ia bukan sahaja untuk masyarakat Malaysia malah di peringkat antarabangsa apatah lagi pelarian Rohingya adalah saudara Islam yang kini tertindas.



"Usaha murni yang dilakukan oleh pelajar USIM ini wajar diteruskan. Pusat Kebudayaan USIM akan mengadakan program USIM Street Dakwah Perdana yang dijangka pada pertengahan September nanti dengan pengisian yang lebih menarik. Program ini turut menghimpunkan persembahan-

persembahan seni budaya selain mengajak khalayak membantu mereka yang memerlukan bantuan," katanya.

Ismail berkata, hasil sumbangan dan kutipan pada hari tersebut akan diserahkan kepada wakil Islamic Relief, sebuah badan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang sentiasa mendepani usaha kemanusiaan di seluruh dunia.

Pada majlis itu juga, pusat beli-belah Alamanda Putrajaya turut melancarkan UniCard yang bertujuan memberi kemudahan kepada pelajar-pelajar universiti membeli-belah di Alamanda Putrajaya.

USIM Street Dakwah bermula dengan persembahan bertenaga daripada kumpulan perkusi, disusuli persembahan band akustik, tarian zapin dan cak lempong, selain menampilkan pengacara Zul Afkar Husna yang menggunakan elemen dikir barat yang berjaya mencuit hati penonton.

Dalam pada itu, keunikan suara johan qari Tilawah al-Quran Peringkat Negeri Sembilan 2015, Mohd Husainy Mahmud menyampaikan bacaan beberapa petikan ayat al-Quran begitu memikat hati, selain bacaan doa bagi pelarian Rohingya yang sangat menyentuh hati pengunjung pusat beli-belah itu. -DHIYAZULHILMI DAUD

USIM Buskers tampil dengan cara tersendiri dalam menyampaikan dakwah semasa membuat persembahan di Alamanda Putrajaya baru-baru ini.

